

04 OCT 2002

PERSIDANGAN-CHINA/I

PERSIDANGAN BINCANG KEMASUKAN CHINA DALAM WTO

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Persidangan Ekonomi Malaysia-China yang akan diadakan di sini pada 8 Oktober ini, akan membincangkan cabaran dan peluang yang dihadapi oleh perniagaan Malaysia berikutan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Persidangan yang bertema "Cabaran - Kesan dan Prospek" itu bertujuan memberikan peluang kepada masyarakat perniagaan Malaysia yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, khususnya dari industri kecil dan sederhana, untuk mengikuti perbincangan mengenai kesan dan prospek kemasukan China dalam WTO.

Persidangan sehari anjuran Pusat Perundingan IKS Negara itu akan diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, dekat sini.

Satu kenyataan daripada pihak penganjur hari ini menjelaskan bahawa persidangan itu akan berbincang mengenai kebimbangan di kalangan masyarakat perniagaan tempatan berhubung dengan kekuatan ekonomi China yang semakin meningkat itu.

Katanya, banyak pihak dalam kalangan perniagaan tempatan berpendapat bahawa pengeluaran kos rendah dan pasaran luas China menjadi ancaman besar kepada perniagaan mereka dan bahawa China juga menarik banyak pelaburan asing manakala syarikat-syarikat besar multinasional pula memindahkan perniagaan mereka ke negara itu.

Namun begitu, kekayaan yang baru diperoleh China juga mewujudkan pasaran yang sangat besar dan permintaan bagi barangan dan bahan mentah merupakan peluang perniagaan yang amat besar bagi Malaysia.

"Semua ini, dan banyak lagi, akan dibincangkan secara panjang lebar pada Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002," jelas kenyataan itu.

Acara kemuncak persidangan itu ialah ucap-tama dan sesi dialog oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara pengerusi sesi persidangan tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, timbalan presiden Dewan Perniagaan dan Industri Melayu Malaysia, Datuk Syed Amid Al-Jeffri dan penasihat korporat Kumpulan Sunway, Tan Sri Ramon Navaratnam.

Sebahagian daripada pakar-pakar yang akan membentangkan kertas kerja masing-masing pada persidangan itu ialah penolong pengerusi Majlis Penggalakan Perdagangan Antarabangsa China, Yu Ping, wakil dari Majlis Perniagaan Malaysia-China, Tan Koon Swan, pengarah sekutu Forum Ekonomi Dunia, Pamela Mar, ketua pengarah Penyelidikan Ekonomi Greater China (Deutsche Bank Hong Kong) Jun Ma dan pengerusi kumpulan syarikat Lion Group, Tan Sri Willian Cheng. -- BERNAMA

WNZ SD KY AA